

Pertemuan Mahathir, PM baik untuk semua

Perjumpaan dua pemimpin beri kebaikan kepada rakyat

BH-20/10/2006

Oleh Wan Hazmir Bakar,
Rohaniza Idris, Saufi Hamzah
dan Rosli Abdul Jalil

KUALA LUMPUR: Kesediaan Tun Dr Mahathir Mohamad dan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk mengadakan pertemuan dilihat sebagai satu petanda baik dan mampu meleraikan kekusutan dan salah faham yang timbul sebelum ini.

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin berharap pertemuan itu akan dapat mencapai kata muafakat yang memberi kebaikan kepada semua.

"Saya fikir ia satu masa yang ditunggu-tunggu ramai orang bukan hanya ahli Umno tetapi rakyat kerana kedua-duanya adalah tokoh yang kita hormati dan segani.

"Saya berpendapat kesediaan Dr Mahathir dan Perdana Menteri menunjukkan sikap rendah diri mereka dan sikap hormat-menghormati yang masih antara kedua-duanya akan membuahkan hasil yang baik," katanya ketika dihubungi, semalam.

Di TASEK GELUGOR, Naib Ketua Pemuda Umno, Khairy Jamaluddin yakin pertemuan di antara kedua-dua pemimpin itu pasti memberi manfaat kepada negara secara keseluruhan.

"Pemuda Umno sambut baik pertemuan ini dan jika boleh dapat diadakan dengan segera dalam bulan puasa ini yang banyak memberi keberkatan.

Beliau berkata, pergerakan itu dan seluruh ahli Umno menyokong pendirian kedua-dua pemimpin itu untuk bertemu.

Ditanya sama ada Dr Mahathir akan berpuas hati dalam pertemuan itu, Khairy berkata, susah untuk diramalkan apakah hasil pertemuan itu serta sama ada Dr Mahathir akan berpuas hati atau sebaliknya.

"Tapi saya yakin ia dapat mengukuhkan Umno," katanya selepas menyampaikan sumbangan Aidilfitri di

Masjid Pekan Darat, di sini.

Sementara itu, bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Musa Hitam turut yakin pertemuan empat mata antara Abdullah dan Dr Mahathir sebelum Aidilfitri ini akan memberikan impak psikologi yang positif kepada semua pihak.

Musa berkata, kesanggupan Perdana Menteri dan bekas Perdana Menteri untuk bersemuka buat pertama kali sejak pergeseran di antara mereka tercetus beberapa bulan lalu, akan menenangkan keadaan bukan saja di seluruh negara tetapi juga di luar negara.

Katanya, semua pihak yang mengharapkan kebaikan terhasil daripada

pertemuan itu dengan keberkatan Ramadan harus berwaspada dengan 'orang luar' yang akan membuat pelbagai spekulasi bagi menggagalkannya.

"Apa yang kita harus berhati-hati ialah orang luar yang membuat spekulasi, tapi saya fikir impak psikologinya akan positif," katanya selepas majlis pelancaran laman web World Islamic Economic Forum (WIEF) dan World Islamic Businesswomen Network (WIBN) yang disempurnakan bersama Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil.

Di KUANTAN, Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob menyifatkan pertemuan antara Abdullah dan Dr Mahathir mencerminkan sikap rendah diri kedua-dua pemimpin itu.

Katanya, kesediaan kedua-dua bertemu juga menggambarkan keikhlasan dan sikap rendah diri kedua-dua pemimpin.

"Sejak awal lagi, saya sudah jangka perkara ini boleh diselesaikan dan akan berlaku pertemuan seperti ini," katanya selepas majlis penyampaian sumbangan Aidilfitri kepada golongan daif Daerah Kuantan di Kompleks Yayasan Pahang, Tanjung Lumpur, semalam.